

## Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia

Wan Norina Wan Hamat [1], Zaharah Hussin [2], Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff [3], Ahmad Arifin Sapar [4]

### ABSTRACT

This study aims to identify the level of media exposure among polytechnic student, and their mass media programs of interest. Also the aim of this study is to identify relationship between media exposure, and the lifestyle of muslim students in the polytechnics. This study was carried out quantitatively among 397 students at selected polytechnics in Malaysia. The questionnaires data were analyzed descriptively and inferentially using the Statistical Package For Social Science (SPSS) version 18.0. The descriptive data analysis found that the exposure of students to the website is average (mean=3.41), while the level of entertainment is high (mean=4.05). This study also found that the relationship between the level of media exposure and Muslim students is weak ( $r=0.274$ ). This finding also reported that the students were affected by the mass media. Hence, the implication of this study indicates that the students particularly should choose the appropriate programs and manage their time effectively while utilising the mass media.

**Keywords:** *Lifestyle of muslim student, Mass media, Muslim Student in Polytechnics*

[1] Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak

[2] Jabatan Asas Pendidikan dan Kemanusiaan  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya  
[zaharah@um.edu.my](mailto:zaharah@um.edu.my)

[3] Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak

[4] Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-bahasa Timur Tengah  
Fakulti Bahasa  
Universiti Malaya

### PENGENALAN

Media massa banyak memberi perkembangan dan maklumat kepada masyarakat terutamanya berkaitan hal ehwal semasa, berita luar mahupun dalam negara. Media turut memberi manfaat kepada perkembangan pendidikan masa kini. Namun dalam masa yang sama media massa juga mungkin menyumbang ke arah kesan negatif. Salah satu penyebab berlakunya keruntuhan akhlak remaja masa kini adalah hasil daripada bahan dan rancangan media massa yang dipaparkan dalam negara (Samsudin A. Rahim, 2008; Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail 2009; Buerah Tunggak, Maznah Ali, Nurafzan Muhamad & Md. Hamzaimi Azrol Md Baharuddin, 2012). Hal ini turut diakui oleh Bushman & Heusman (2001) bahawa hasil penelitian para pengkaji menunjukkan bahawa paparan media elektronik dan media cetak boleh mempengaruhi tingkah laku golongan remaja yang juga dikategorikan sebagai pelajar. Masyarakat Islam sering didedahkan dengan pelbagai maklumat yang kurang tepat, palsu, menyeleweng seterusnya merosakkan minda serta menjadikan sejumlah anggota masyarakat kita hilang jati diri dan keperibadian akhlak yang mulia (Hamidah Sulaiman, 2005; Ahmad Syukri, 2008; Fariza Md Sham & Muhammad Faisal Ashaari, 2010). Pelbagai konsep dan cara hidup seperti cara hidup '*happy go lucky*' melepak, mengunjungi pusat hiburan seks bebas dan sebagainya banyak disiarkan melalui media massa (Buerah Tunggak et al. 2012). Selain itu, banyak program dan drama memaparkan pergaulan bebas, realiti televisyen, cerita ganas yang berbentuk kekerasan serta banyak rancangan yang bersifat hiburan semata-mata. Kesannya banyak mempengaruhi pelajar terhadap penampilan akhlak yang bertentangan dengan syariat. Di samping itu menyebabkan meningkatnya masalah kecenderungan melakukan kekerasan dan perilaku negatif yang lain dalam kalangan remaja (Baron & Bryne, 1991). Menurut mereka lagi,

ketika ini media memiliki potensi besar dalam mengubah sikap dan perilaku masyarakat terutama remaja yang relatifnya masih mudah terpengaruh dan dipengaruhi.

### PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Sepanjang tempoh pelaksanaan kajian, pengkaji telah melakukan beberapa prosedur bagi menjamin kelancaran kajian yang dijalankan. Pada peringkat awal pengkaji telah memohon kebenaran membuat kajian kepada Bahagian Inovasi dan Penyelidikan di Jabatan Pengajian Politeknik untuk mendapatkan kelulusan bagi menjalankan kajian ini. Setelah mendapat kebenaran dari pihak berkenaan pengkaji telah menulis surat kepada bahagian Data Pengurusan Pelajar, JPP bagi mendapatkan populasi pelajar yang terlibat dengan kajian ini. Pengkaji turut menghubungi politeknik yang terpilih untuk memaklumkan tentang kajian yang akan dijalankan di politeknik berkaitan. Pihak Jabatan Pengajian Politeknik telah membuat salinan surat kebenaran kajian kepada seluruh pengarah politeknik Malaysia.

Pengkaji juga turut menghubungi pensyarah-pensyarah politeknik yang dilantik bagi membantu pengkaji untuk mengedarkan borang soal selidik kepada pelajar yang terpilih. Pengkaji telah mentadbirkan sendiri borang soal selidik kepada pelajar-pelajar politeknik seperti politeknik bahagian Barat seperti Politeknik Sultan Azlan Syah, Politeknik Kota Baharu dan Politeknik Kota Kuala Terengganu di bahagian Timur, Politeknik Merlimau Melaka dan Politeknik Port Dickson di bahagian Selatan yang selebihnya seperti Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis dan Politeknik Balik Pulau dan sebelah Borneo, pengkaji mengedarkan borang soal selidik melalui pos kepada pensyarah yang dilantik.

### KERANGKA KONSEPTUAL

Kerangka konseptual dalam kajian ini dipaparkan seperti dalam rajah 1.



**Rajah 1:** Gabungan Kerangka Konseptual Kajian yang diubahsuai daripada Abdullah Nasih Ulwan (1988), Bandura (2002) dan McQuail & Windahl (1993).

Berdasarkan Rajah 1, kerangka konseptual yang telah diubahsuai dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada teori Abdullah Nasih Ulwan (1988), Bandura (2002) dan McQuail & Windahl (1993). Gambar rajah di atas adalah gabungan daripada teori tokoh-tokoh di atas, kerangka ini menunjukkan perhubungan antara pemboleh ubah yang dikaji untuk menjelaskan pengaruh media massa dan kesannya terhadap penampilan akhlak pelajar. Kerangka konsep ini menunjukkan tiga pemboleh ubah penting iaitu minat terhadap media massa, tempoh pendedahan media massa, penampilan akhlak pelajar yang dihasilkan.

Program-program dan rancangan yang dipaparkan melalui media massa mempunyai pelbagai bentuk yang menarik perhatian pelajar. Keadaan ini menyebabkan pelajar-pelajar banyak menghabiskan masa untuk mengikuti rancangan-rancangan yang menarik minat mereka. Hasil daripada rancangan tersebut memberi ruang kepada pelajar untuk berfikir atau memilih sama ada yang positif atau negatif untuk dicontohi. Hasilnya pelajar akan mengikuti penampilan akhlak yang ditonjolkan melalui media massa tersebut sama ada ia berbentuk positif mahupun negatif.

Namun sebahagian daripada mereka mungkin akan terpengaruh secara terus terhadap penampilan akhlak seperti yang dipaparkan melalui media massa dalam tempoh masa yang panjang dan hanya mengikuti bahan yang diminati. Justeru, kesan daripada rancangan media massa menyebabkan perubahan penampilan akhlak yang dapat dilihat dalam tiga aspek iaitu cara pemakaian, cara pergaulan, berhibur dan berkomunikasi dalam kalangan pelajar. Kerangka ini juga memberi petunjuk mengenai analisis inferensi yang dijangka iaitu melihat perbezaan dalam demografi pelajar seperti jantina, tempat tinggal sepanjang pembelajaran di politeknik dan pendapatan keluarga bulanan dalam kalangan pelajar yang terlibat. Selain itu, kajian ini akan menganalisis perhubungan antara tahap pendedahan media massa dan rancangan media massa yang diminati berdasarkan penampilan akhlak dari aspek pergaulan, berpakaian, berhibur dan berkomunikasi pelajar terlibat.

Kesimpulannya, hasil daripada kerangka konsep ini akan menjelaskan mengenai pengaruh media massa iaitu tempoh pendedahan media massa dan minat terhadap media massa akan memberi kesan terhadap penampilan akhlak pelajar sama ada penampilan yang negatif mahupun yang positif.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian deskriptif yang berbentuk tinjauan dengan menggunakan set borang soal selidik yang telah diubah suai daripada instrumen kajian yang dijalankan oleh Ab. Halim et al. (2005) dan juga daripada kajian-kajian lepas yang berkaitan. Dalam kajian ini kandungan dan jenis media massa yang terlibat adalah televisyen, laman web, radio, cakera padat (CD dan DVD) dan majalah. Penampilan akhlak pelajar pula adalah dari aspek berpakaian, berhibur, pergaulan dan berkomunikasi. Kajian ini menggunakan set borang soal selidik di mana borang ini mengandungi tiga bahagian utama yang melibatkan soalan berbentuk 5 skala Likert. Bahagian A berkaitan dengan latar belakang responden kajian. Bahagian B berkaitan dengan pendedahan dan jenis media massa yang diminati dan Bahagian C tentang penampilan akhlak pelajar. Responden diperlukan memberi jawapan berdasarkan kepada pernyataan-pernyataan mengikut bahagian-bahagian yang disediakan. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS) for windows* versi 18.0. Data-data ini dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Bagi tujuan interpretasi data deskriptif, dapatkan analisis berpandukan kepada jadual skor min Jainabee & Jamil (2009) seperti yang dinyatakan dalam jadual 1.

*Jadual 1: Interpretasi Skor Min*

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Jainabee & Jamil (2009)

Untuk menginterpretasikan dapatkan analisis inferensi yang di perolehi, pengkaji memilih skala Mohd Majid Konting (2005) sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 2 di bawah sebagai pengukur menentukan kekuatan hubungan antara pemboleh ubah yang diuji dalam kajian ini.

*Jadual 2: Kekuatan Hubungan Mengikut Nilai Korelasi*

Nilai Indeks Korelasi	Interpretasi Hubungan
0.00 – 0.20	Sangat Lemah
0.21 – 0.40	Lemah
0.41 - 0.70	Sederhana
0.71 – 0.90	Kuat
0.91 – 1.00	Sangat Kuat

Sumber: Mohd Majid Konting (2005)

Untuk memastikan kesahan instrumen yang dibina dan diubahsuai penyelidik telah merujuk kepada tiga orang pakar bagi melihat kesesuaian dengan objektif kajian, mereka terdiri daripada tiga orang tokoh akademik iaitu dua orang pensyarah Universiti Malaya dan seorang pensyarah Politeknik Ungku Omar. Penyelidik juga telah mengadakan beberapa siri pertemuan dengan panel rujukan berkenaan sepanjang tempoh pembinaan instrumen. Segala pandangan, nasihat serta cadangan diambil perhatian dengan melakukan beberapa perubahan terhadap item yang dibina. Kajian rintis turut dijalankan ke atas 61 orang pelajar peringkat diploma semester akhir di salah sebuah politeknik. Hasil daripada kajian ini, ujian *Alpha* menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi, iaitu 0.920.

## POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Dalam kajian ini, populasi kajian melibatkan semua pelajar Islam semester akhir peringkat diploma politeknik Malaysia. Merujuk kepada senarai enrolmen pelajar yang diperolehi daripada laman *web* Jabatan Pengajian Politeknik ([http://www.mohe.gov.my/web\\_statistik/statistik\\_pdf\\_2008\\_05/poli\\_4-8.pdf](http://www.mohe.gov.my/web_statistik/statistik_pdf_2008_05/poli_4-8.pdf)) dan disahkan oleh pegawai pengambilan pelajar politeknik, kemasukan pelajar diploma pada tahun 2008 adalah seramai 24,154 orang. Dalam masa yang sama, pelajar-pelajar ini berada di semester enam pada sesi Disember 2011. Oleh itu, mereka menjadi responden dalam kajian ini.

Untuk menentukan jumlah sampel dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pakai jadual penentuan sampel yang telah dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan, (1970). Oleh itu berdasarkan kepada jadual berkenaan bagi populasi seramai 24,154 orang maka jumlah sampel yang dicadangkan dalam kajian ini ialah seramai 331 orang. Namun sebagai langkah berjaga-jaga berhubung dengan kedapatan semula borang soal selidik juga sekiranya terdapat pelajar yang tidak memberikan jawapan yang lengkap dalam borang soal selidik yang diedarkan maka pengkaji menetapkan jumlah sampel yang dipilih dalam kajian ini ialah seramai 400 orang. Cara ini bertepatan dengan pernyataan Mohamad Najib Abdul Ghaffar (1999) saiz sampel yang lebih besar adalah lebih baik kerana pengkaji mempunyai lebih kemungkinan untuk memilih sampel yang mempunyai ciri-ciri populasi. Pandangan ini turut disokong oleh Mohd Majid Konting (2005) menyatakan saiz sampel yang besar dapat mengurangkan ralat sampel yang tidak dipilih.

Namun begitu, hanya 397 borang soal selidik yang telah lengkap dan dikembalikan untuk dianalisa. Justeru, sampel kajian yang terlibat adalah seramai 397 orang pelajar semester akhir peringkat diploma dari 10 buah politeknik Malaysia. Pemilihan pelajar semester ini kerana mereka merupakan pelajar tahun akhir dan telah lama belajar di politeknik juga akan menamatkan pengajian dalam masa terdekat, secara tidak langsung sebagai pelajar *senior* mereka dianggap telah menghayati kehidupan sebenar sebagai pelajar politeknik. Pemilihan politeknik dan sampel kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah *two-stage random sampling* yang menggabungkan kaedah *cluster sampling* dan *stratified random sampling*.

## DAPATAN KAJIAN

Analisis demografi responden menunjukkan sejumlah 397 orang responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 189 orang pelajar lelaki (47.6 %) dan 208 orang pelajar perempuan (52.4 %).

**ANALISIS DESKRIPTIF**

Dalam bahagian ini analisis deskriptif yang digunakan seperti frekuensi peratusan dan min bagi menghuraikan item setiap konstruk yang diuji. Dapatan kajian ini dirumuskan berpandukan soalan kajian seperti berikut:

**SK1: Sejauh manakah tahap pendedahan media massa dalam kalangan pelajar Islam Politeknik?**

Hasil kajian menunjukkan tempoh masa pendedahan media massa responden dalam sehari. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan sebahagian besar responden menghabiskan masa untuk melayari laman - laman web. Di dapat responden lebih memilih melayari web untuk bersantai dengan skor min 3.41 iaitu berada pada tahap yang tinggi daripada melayari web tujuan pembelajaran dengan min 3.18 iaitu berada pada tahap yang sederhana. Menonton televisyen merupakan aktiviti kedua responden dengan nilai min 2.66 jam sehari juga berada pada tahap sederhana. Namun aktiviti mendengar radio, menonton CD Rom dan membaca majalah ilmiah pula berada pada tahap yang rendah dengan skor min masing-masing 2.10, 2.01 dan 1.97 jam sehari. Sementara membaca majalah hiburan merupakan aktiviti yang paling kurang digemari oleh responden dengan hanya menghabiskan masa selama 1.52 jam sehari iaitu berada pada tahap sangat rendah. Dapatan ini dapat ditunjukkan seperti jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Min Pendedahan Kepada Media Massa Dalam Kalangan Pelajar Dalam Sehari

Bil.	Item	Perkara (N=397)	Kekerapan&Peratusan(%) (N=397)					Min & SP		
			1	2	3	4	5	Min	SP	Int
			<1*	1.30*	2*	2.30*	>3*			
1.	Menonton televisyen		137 (34.5)	66 (16.6)	75 (18.9)	37 (9.3)	82 (20.7)	2.66	1.53	Sederhana
2.	Mendengar Radio		197 (49.6)	70 (17.6)	57 (14.4)	41 (10.3)	32 (8.1)	2.10	1.33	Rendah
3.	Menonton DVD/VCD (CD Rom)		206 (51.9)	65 (16.4)	70 (17.6)	29 (7.3)	27 (6.8)	2.01	1.26	Rendah
4.	Membaca Majalah Hiburan		278 (70.0)	64 (16.1)	29 (7.3)	20 (5.0)	6 (1.5)	1.52	0.93	Sangat Rendah
5.	Membaca Majalah Ilmiah		180 (45.3)	107 (27.0)	67 (16.9)	26 (6.5)	17 (4.3)	1.97	1.13	Rendah
6.	Melayari web untuk bersantai		46 (11.6)	67 (16.9)	87 (21.9)	72 (18.1)	125 (31.5)	3.41	1.38	Tinggi
7.	Melayari web tujuan pembelajaran		50 (12.6)	69 (17.3)	122 (31.7)	71 (17.9)	85 (21.4)	3.18	1.29	Sederhana

Petunjuk:

Int: Interpretasi.

\* Jam dalam sehari

### SK2: Apakah kandungan bahan media massa yang diminati oleh pelajar politeknik?

Bagi menjawab persoalan kajian ini, terdapat lapan item yang telah digunakan untuk melihat apakah kandungan bahan media yang menjadi pilihan serta menjadi tarikan kepada responden. Analisis keseluruhan persoalan kajian kedua ini dapat dilihat menerusi jadual berikut:

*Jadual 4: Minat Pelajar Terhadap Kandungan Bahan Dalam Media Massa*

Bil.	Perkara	Min	Int
1.	Hiburan	4.05	Tinggi
2.	Sukan	3.52	Tinggi
3.	Humor	3.54	Tinggi
4.	Mistik/misteri/seram	3.31	Sederhana
5.	Pendidikan	3.88	Tinggi
6.	Agama	3.99	Tinggi
7.	Pengetahuan Am/ rencana/ history	3.70	Tinggi
8.	X-related/ lucah/ berunsur seks	1.88	Rendah

Jadual 4 di atas adalah berkaitan dengan minat pelajar terhadap kandungan bahan dalam media massa. Hasil tinjauan yang dibuat, Hasil tinjauan yang dibuat berdasarkan Jadual 4.7, jelas menunjukkan bahawa kandungan bahan yang berbentuk hiburan merupakan kriteria yang utama yang menjadi pilihan kebanyakan pelajar politeknik dengan skor min yang tertinggi iaitu 4.02. Ini diikuti pula bahan berunsur agama di mana minnya ialah 3.99 dan min yang hampir sama juga adalah bahan berunsur pendidikan iaitu 3.97, bagi bahan berunsur pengetahuan am/ rencana pula minnya sebanyak 3.70.

Bahan berunsur *humor* dan bahan berunsur sukan juga turut diminati oleh responden dengan min masing-masing 3.54 dan 3.52. Hasil daripada pemerhatian juga didapati bahan berunsur mistik/ misteri berada pada tahap yang sederhana dengan min 3.31 dan bahan yang paling tidak diminati oleh responden adalah bahan berunsur X-related/ lucah dengan skor min yang terendah iaitu 1.88. Walaupun skor min ini berada pada tahap yang rendah, namun ia penting dari aspek statistik.

**Jadual 5: Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Dari Aspek Berpakaian, Pergaulan, Hiburan Dan Komunikasi**

Petunjuk: G = Aspek Pergaulan, P= Aspek Pakaian, H= Aspek Hiburan, K = Aspek Komunikasi.

Bil.	Perkara	Min	Int.
1G	Bersangka buruk dengan sesiapa sahaja*	3.74	Tinggi
2G	Saya berjabat tangan dengan bukan mahram*	4.03	Tinggi
3G	Mengamalkan sikap mesra dengan sesiapa sahaja.	4.02	Tinggi
4G	Biasa bergosip-gosip tentang seseorang	3.13	Sederhana
5G	Berpandangan pergaulan antara lelaki dengan perempuan tidak perlu disekat pada masa kini*	3.98	Tinggi
6P	Saya berpakaian yang jarang dan nipis.*	1.74	Sangat Rendah
7P	Pakaian artis pujaan menjadi pilihan saya.	1.81	Rendah
8P	Pemakaian baju dan seluar yang ketat memudahkan pergerakan saya.*	4.11	Tinggi
9P	Berfesyen mengikut tren masa kini tanpa mengikut kehendak syariat.*	2.43	Rendah
10P	Saya lebih selesa mengenakan pakaian yang menutup aurat.	4.25	Sangat Tinggi
11H	Mendengar lagu-lagu cinta memberi inspirasi kepada saya.	3.48	Tinggi
12H	Lagu-lagu berunsur dakwah menghiburkan saya.	3.85	Tinggi
13H	Saya bermain "Games" hingga mengganggu tugasana.*	2.80	Sederhana
14H	Berkaraoke bersama kawan-kawan dapat menenangkan fikiran saya.	3.51	Tinggi
15H	Mengunjungi pusat hiburan untuk menghilangkan stress.*	2.97	Sederhana
16K	Meluahkan masalah dalam media ( <i>facebook</i> ) sebagai satu cara untuk menyatakan perasaan.	2.82	Sederhana
17K	Suka berkongsi pandangan terhadap isu-isu dalam media massa	3.52	Tinggi
18K	Bercakap antara lelaki dengan perempuan apabila diperlukan.	3.77	Tinggi
19K	Meniru bahasa kurang elok, contoh "cantik giler" *	2.98	Sederhana
20K	Menggunakan kata-kata kurang sopan apabila dalam keadaan marah.*	2.49	Rendah
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>2.90</b>	<b>Sederhana</b>

\*Item negatif

Analisis statistik deskriptif yang seterusnya adalah berkaitan dengan penampilan akhlak pelajar politeknik dan kaitannya dengan pengaruh media massa. Ini dapat dilihat dalam Jadual 5, daripada sejumlah 20 item yang akan dibincangkan, item 1-5 merupakan penampilan akhlak pelajar dari aspek pergaulan, manakala item 6-10 adalah penampilan akhlak dari aspek pakaian, dari aspek hiburan pula adalah item 11-15 dan penampilan akhlak dari aspek komunikasi pelajar pula pada item 16-20.

Daripada aspek penampilan akhlak pelajar tersebut, terdapat satu item yang berada pada tahap yang sangat tinggi (min = 4.25) iaitu berkaitan dengan aspek pakaian di mana majoriti pelajar lebih selesa mengenakan pakaian yang menutup aurat. Hasil analisis juga mendapati lima item yang berkaitan dengan penampilan akhlak pelajar ini berada pada tahap skor min yang tinggi, iaitu min skor antara 3.41 hingga 4.20, item tersebut seperti item "mengamalkan sikap mesra dengan sesiapa sahaja" dengan (min= 4.02) ia berkaitan penampilan akhlak pelajar dari aspek pergaulan. Aspek hiburan pula berkaitan "Lagu-lagu berunsur dakwah menghiburkan saya" (min=3.85), "Suka berkongsi pandangan terhadap isu-isu dalam media massa" (min= 3.57), "Berkaraoke bersama kawan-kawan dapat menenangkan fikiran saya" (min= 3.51) dan pernyataan "Mendengar lagu-lagu cinta memberi inspirasi kepada saya" (min= 3.48). Pernyataan "Bercakap dengan lelaki dan perempuan (bukan muhrim) apabila diperlukan" (min = 3.77) dari aspek komunikasi.

Selain dari itu, hasil dapatan bagi kelompok skor min yang sederhana adalah antara skor min 2.61 hingga 3.40 dan terangkum di dalamnya adalah sebanyak lima item. Pengaruh media massa terhadap penampilan akhlak pelajar dari aspek hiburan dan komunikasi masing-masing mempunyai du item dari kelompok skor min ini seperti "saya bermain games hingga mengganggu tugasana" (min = 2.80) dan pernyataan "Mengunjungi pusat hiburan untuk menghilangkan stress" (min=2.97), item-item tersebut adalah berkaitan penampilan akhlak dari aspek hiburan. Dapatkan selanjutnya berkaitan dengan penampilan akhlak dari aspek

komunikasi, di mana item tersebut adalah “Meluahkan masalah dalam media (*facebook*) sebagai satu cara untuk menyatakan perasaan” (min= 2.82) dan “meniru bahasa kurang elok, contoh “cantik giler” (min= 2.98). Sebaliknya, kelompok min yang sederhana dalam penampilan akhlak dari aspek pergaulan hanya satu item sahaja iaitu “biasa bergosip-gosip tentang seseorang” dengan min 3.13.

Kelompok min yang terakhir pula ialah antara 1.00 hingga 1.80 iaitu berada pada tahap sangat rendah. Item yang terangkum di dalamnya hanya dua item. Di mana item tersebut adalah “Pemakaian baju dan seluar yang ketat memudahkan pergerakan saya” (min = 1.75) diikuti item “Saya berpakaian yang jarang dan nipis” (min = 1.74). Kedua-dua item ini adalah penampilan akhlak dari aspek berpakaian.

## ANALISIS INFERENSI

Analisis inferensi korelasi ini digunakan untuk mengenal pasti hubungan antara dua konstruk utama dalam kajian ini iaitu tempoh pendedahan media massa dengan penampilan akhlak pelajar dari aspek pergaulan, berpakaian, berkomunikasi dan berhibur. Analisis korelasi *Pearson* telah digunakan oleh pengkaji untuk membuat analisis hubungan antara konstruk-konstruk yang terlibat.

### **SK3: Adakah wujud perhubungan yang signifikan antara rancangan media massa yang diminati berdasarkan penampilan akhlak dari aspek pergaulan, berpakaian, berhibur dan berkomunikasi pelajar terlibat?**

Jadual 6: Hubungan Antara Bahan Rancangan Media Massa yang diminati dengan Penampilan akhlak pelajar Islam politeknik.

Bil	Pemboleh Ubah	r	P	Aras Signifikan
1.	Jumlah bahan rancangan media massa dengan penampilan akhlak dari aspek berkomunikasi.	.192**	.000	Signifikan
2.	Jumlah bahan rancangan media massa dengan penampilan akhlak pelajar dari aspek berhibur.	.274**	.000	Signifikan
3.	Tahap Pendedahan media massa dengan penampilan akhlak dari aspek pergaulan	.272**	.000	Signifikan
4.	Tahap Pendedahan media massa dengan penampilan akhlak dari aspek berpakaian.	.271**	.000	Signifikan

\*\*Signifikan pada aras <0.01 (dua hujung)

Beberapa ujian *Pearson's Correlation* telah dilakukan untuk melihat hubungan antara beberapa pemboleh ubah. Dalam Jadual 6 di atas adalah ringkasan dapatan kajian yang telah dijalankan. Hasil analisis yang diperolehi menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan antara jumlah bahan rancangan media massa yang diminati dengan penampilan akhlak pelajar Islam politeknik. Walaupun dalam keadaan hubungan yang lemah namun, ia penting dari aspek statistik untuk membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan rancangan media massa yang diminati dengan penampilan akhlak pelajar politeknik.

## PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan kepada hasil kajian, didapati melayari laman web merupakan aktiviti yang paling digemari oleh pelajar-pelajar politeknik, terutama dalam melayari laman web untuk bersantai. Di mana pendedahan kepada teknologi ini memberi pengaruh yang tinggi kepada pelajar politeknik pada hari ini. Hasil dapatan menunjukkan mereka menghabiskan masa lebih daripada tiga jam dalam sehari bagi melayari web untuk bersantai, begitu juga jika dikira dalam tempoh masa seminggu, responden menghabiskan masa untuk melayari web ini lebih kurang selama 23.78 jam. Dapatan ini juga menunjukkan min berada pada tahap yang tertinggi iaitu 3.41.

Kajian berkaitan web untuk bersantai ini termasuk dengan laman web sosial seperti *facebook*. Dapatan ini diperkuuhkan lagi dengan pernyataan ketua eksekutif *facebook*, Mark Zuckerberg (2012), bahawa rangkaian halaman sosial *facebook* kini mempunyai satu billion pengguna. Di mana pengguna menghabiskan masa secara aktif, ini bermakna kira-kira satu pertujuh penduduk dunia kini adalah ahlinya. Dapatan ini juga turut diakui oleh Fariza Md Sham et al. (2010) *facebook* merupakan antara laman web yang paling popular di Malaysia, mereka menyatakan terdapat 6 juta orang pengguna di Malaysia kebanyakannya antara umur 12

hingga 35 tahun mempunyai akaun *Facebook*. Secara tidak langsung kenyataan ini menunjukkan bahawa laman sosial ini turut memberi pendedahan yang tinggi kepada pelajar politeknik.

Begitu juga melayari web untuk tujuan pembelajaran, di mana mereka menghabiskan masa secara purata 3.18 jam sehari. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Mohd Dahlan A. Malek & Ida Shafinaz Mohamad Kamil (2010) di mana dapatan kajian mereka mendapati remaja menghabiskan masa purata 4 jam sehari untuk melayari Internet. Begitu juga dengan hasil kajian Nazir S. Hawi (2012) pelajar peringkat tinggi iaitu pelajar IPT menghabiskan masa untuk melayari Internet secara purata 3.38 jam sehari. Kajian beliau juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan pelajar yang banyak menghabiskan masa dengan media ini mempunyai pelbagai masalah. Ini menunjukkan pelajar masa kini lebih banyak menghabiskan masa dengan melayari laman web berbanding media massa yang lain.

Sementara itu, antara faktor lain yang menyumbang kepada ketinggian tahap pendedahan pelajar kepada bahan di laman web ini adalah kerana hampir keseluruhan pelajar memiliki komputer peribadi sendiri atau *laptop* juga *netbook*. Di mana alat-alat ini telah lengkap dengan perisian Internet tanpa wayar (*wi-fi*) dan penurunan harga jalur lebar oleh syarikat telekomunikasi menarik perhatian golongan muda terutama pelajar untuk melanggannya (Wan Yonsharlinawati Wan Jaafar et al. 2012). Selain itu, halaman di laman web sendiri merupakan komponen yang menjadikan Internet lebih menarik dan paling diminati oleh sesiapa sahaja yang dapat mengaksesnya, terutamanya pelajar-pelajar IPT (Saharani et al. 2005). Dengan kemajuan teknologi ini ia telah menjadikan salah satu keperluan utama kepada pelajar IPT, di mana mereka perlu menyiapkan diri dengan pelbagai jenis pengetahuan dan kemahiran supaya mereka boleh menyesuaikan diri dengan arus peredaran zaman sekarang. Oleh itu, tidak hairanlah pelajar lebih banyak menghabiskan masa untuk mengakses laman-laman web daripada media-media massa yang lain. Kenyataan ini turut disokong oleh Lai Sui Kheng (2010), di mana pelajar juga generasi masa kini membesar bersama teknologi ini dan mereka lebih cenderung menggunakan Internet untuk berkomunikasi, mengakses maklumat dan berhibur.

Namun begitu, perlu disedari bahawa generasi muda mudah terdedah kepada ledakan maklumat daripada pelbagai sumber dan saluran yang pelbagai berkemungkinan memberi kesan negatif jika tidak berupaya dikawal dengan baik (Samsudin A. Rahim, 2008). Televisyen merupakan pendedahan ketiga pilihan pelajar politeknik, di mana mereka telah menghabiskan masa secara purata 2.66 jam sehari. Ini bermakna mereka telah menghabiskan masa lebih kurang 18 jam seminggu untuk menonton televisyen. Begitu juga dengan kajian Samsudin A Rahim (2008) walaupun akses kepada Internet lebih tinggi namun 75% generasi muda lebih memilih televisyen untuk mendapat berita. Dapatan ini turut disokong oleh kajian Mohd Azmi Abdul Hamid (2008) yang mana secara purata rakyat Malaysia menonton televisyen adalah antara 3 hingga 5 jam sehari, kajian ini menunjukkan pendedahan masa kepada televisyen sangat memberangsangkan. Manakala aktiviti yang paling tidak digemari oleh pelajar ialah membaca majalah sama ada majalah ilmiah maupun majalah hiburan. Wujudnya kecanggihan teknologi ini turut mengurangkan perbelanjaan pelajar untuk membeli majalah-majalah tersebut malah masa pelajar juga banyak dihabiskan untuk melayari laman-laman web berkenaan.

Di samping itu, dapatan juga menunjukkan kandungan media massa yang paling diminati oleh pelajar politeknik ialah bahan berbentuk hiburan. Dapatan ini selaras dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Ab. Halim Tamuri et al. (2005); Ab. Halim Tamuri et al. (2006); Samsudin A. Rahim (2001); Samsudin A. Rahim (2008); Abdullah Sulong et al.(2009); Mohd Ali Iksan (2010) di mana kajian mereka juga menunjukkan bahan media massa berbentuk hiburan yang paling diminati oleh remaja yang juga dikategorikan dalam kalangan pelajar. Bahan hiburan ini diperolehi sama ada melalui Internet, televisyen, majalah hiburan juga radio (Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim & Ideris Endot, 2000). Dapatan ini diperkuahkan lagi dengan kajian Mohd Ali Iksan (2010) di mana pengaruh hiburan ke arah keseronokan menjadi pilihan utama masyarakat berbanding slot agama dan wacana ilmu yang boleh menambahkan ilmu pengetahuan. Sebagaimana kajian yang dijalankan oleh Ab. Halim Tamuri et al. (2005) mendapati majalah-majalah hiburan merupakan antara media massa yang paling tinggi mendapat sambutan dalam kalangan remaja di mana majalah tersebut banyak memfokuskan tentang hiburan semata-mata malah ia tidak memberikan sumbangan yang positif kepada perkembangan akhlak generasi muda hari ini.

Hasil kajian juga menunjukkan wujud hubungan antara rancangan media massa yang diminati dengan penampilan akhlak pelajar dari keempat-empat aspek tersebut. Ini menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan antara jumlah rancangan yang diminati pelajar dengan penampilan akhlak yang ditonjolkan oleh

pelajar. Dapatan ini menunjukkan terdapat hubungan yang lemah antara rancangan yang diminati dengan penampilan akhlak pelajar. Walaupun dalam keadaan hubungan yang lemah namun, ia penting dari aspek statistik.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, tahap penampilan akhlak pelajar politeknik dalam kajian ini berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan media massa banyak memberi pengaruh positif kepada pelajar dan mereka masih lagi dapat memilih antara yang berfaedah maupun sebaliknya. Namun begitu, terdapat beberapa item yang dikemukakan dalam kajian ini perlu diberi perhatian oleh pensyarah, ibu bapa dan pelajar sendiri kerana segelintir daripada pelajar mengakui bahawa mereka juga turut terpengaruh dengan penampilan akhlak negatif hasil daripada bahan rancangan media massa dalam negara. Justeru, item ini mungkin boleh merosakkan akhlak, masa pelajar dan juga boleh menimbulkan perbalahan antara mereka sekiranya tidak dibendung dengan berkesan. Di samping itu, dapatan ini juga menunjukkan minat pelajar terhadap bahan-bahan media massa yang berbentuk hiburan, humor, seram dan lucu boleh memberi kesan negatif kepada penampilan akhlak sebagai pelajar. Walaupun hanya segelintir sahaja pelajar yang terpengaruh dengan bahan rancangan media massa yang negatif namun keadaan ini mungkin boleh menjadikan pelajar kurang sedar tentang matlamat sebenar mereka berada di IPT. Oleh sebab itu, mereka perlu menyeimbangkan penggunaan teknologi dan bahan media yang boleh merosakkan mereka supaya tidak menjurus ke arah keburukan yang boleh menjelaskan identiti mereka sebagai pelajar IPT Malaysia juga bakal menerajui negara pada masa akan datang.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. (2005). *Hubungan Media Massa Dengan Pegangan Akhlak dan Pengajaran Pendidikan Islam*. Laporan Penyelidikan UKM. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. (2006). *Hubungan Media Massa Dengan Pegangan Akhlak dan Pengajaran Pendidikan Islam: Satu Kajian Remaja di Sabak Bernam*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam siri ke - 5: 1-8. UKM. Bangi: Fakulti Pendidikan.
- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. (2009). *Hubungan Antara Pegangan Nilai Moral dengan Media Massa: Tinjauan ke atas Remaja Melayu Luar Bandar*. Sari 27 (2009) 199-212.
- Abdullah Sulung & Mawaddah Abdullah. (2009). *Pengaruh Media Elektronik Terhadap Keruntuhan Akhlak Pelajar*. pp. 1-9. (Unpublished)
- Abdullah Nasih Ulwan. (1988). *Pendidikan Anak-anak dalam Islam (jilid 1)*. Terj: Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD. (Buku Asal tt. Tarbiyatul Aulad Fil Islam)
- Ahmad Syukri. (2008). Pengaruh Media Massa dan Media Elektronik dalam Mensosialisasikan Masyarakat di Provinsi Riau. *Jurnal Penelitian*, Vol VIII No 4 September 2008, hal, 38-45.
- Baron, R. A., Bryne, D., & Suls, J. (1991). Aggression and heat: Mediating effects of prior provocation and exposure to an aggressive model. *Journal of Personality and Social Psychology*, 31, 825 – 832.
- Bandura, A. (2002). *Sosial Cognitive Theory off Mass Communicatin*. In J. Byant & D.
- Buerah Tunggak, Maznah Ali, Nurafzan Muhamad & Md. Hamzaimi Azrol Md Baharuddin. (2012). *Delinkuensi Pelajar dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/ Pelajar Muslim Bersepadu*. Seminar Antarabangsa Perguruan& Pendidikan Islam: Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Baru. 08-09 Mac 2012.
- Bushmann, B. J., & Huesman, L. R. (2001). Stability of aggression over time and generations. *Journal of Developmental Psychology*, 20, 1120 – 1134.

Fariza Md Sham dan Muhammad Faisal Ashaari. (2010). *Media sebagai Tarikan Psikologi Dalam Dakwah*. Kertas Kerja Muzakarah Ulama' dan Cendiakawan Islam 2010.31 Mei 2010. Perak: Pejabat SUK Negeri Perak.

Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim & Ideris Endot. (2000). *Dakwah Dan Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.

Hamidah Sulaiman. (2005). *Pendidikan Islam dan Pengaruh Persekutaran dan Kemajuan: Kesan Kepada Pembentukan Sahsiah*. Jurnal Masalah pendidikan 2005, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Jainabee Kassim & Jamil Ahmad. (2009). *Kualiti Kepimpinan Pengetua Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Zon Selatan, Malaysia*. Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-16 pada 21 – 24 Julai 2009 di Auditorium Dato' Razali Ismail, Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands.

Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research. *Educational and Psychological Measurements*, 30, 607-610.

Lai Sui Kheng. (2010). Penggunaan Internet dan Kesedaran Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Satu Di Sebuah Sekolah Menengah, Puchong: *Projek Penyelidikan*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mark Zuckerberg. (2012, 15 September). Pengguna Facebook Kini 1 Billion. *Berita Harian*. hal. 18.

McQuail, Denis & Windahl, Swen. (1993). *Communication Models*. London: Longman.

Mohd Dahlan A. Malek & Ida Shafinaz Mohamad Kamil. (2010). Jenayah Masalah Sosial Dikalangan Remaja: Cabaran dan Realiti Siber. Eprint. Ums. Edu.my / 117/1/ CONF2010004.pdf.

Zillman, J.B.D. (ed). (2002). *Media Effect: Advance in Theory and Research* (hal.121-153). Hillsdale, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates. (Media Penerapan dan Pemupukan)